

NO SOALAN : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD
YAZID
(KUALA KANGSAR)**

**TARIKH : 16 NOV 2016
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapakah elaun perumahan anggota tentera (COLA) tidak diberikan kepada anggota tentera yang bertugas di Sabah dan Sarawak tetapi hanya mendapat Elaun Malaysia Timur (EMT) yang diberikan oleh Kerajaan negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kelayakan bagi *Cost of Living Allowance* (COLA) telah dinyatakan dengan jelas melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 2005 bagi kakitangan awam yang telah dipanjangkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil. 6 Tahun 2006.

COLA bukannya elaun perumahan yang juga dikenali sebagai Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). COLA dan ITP adalah dua insensif yang berbeza.

Elaun Malaysia Timur (EMT) yang kini ditukar menjadi Bayaran Insensif Sabah dan Sarawak (BISS) dibayar kepada anggota ATM mulai 12 November 1964. BISS diberikan kepada anggota yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan.